

Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam kalangan *Qurrā'* dan kepentingannya

[The application of *al-Taḥammul wa al-Adā'* among the *Qurrā'* and its importance]

Mohamad Redha Mohamad^{1*}, Farhah Zaidar Ramli¹, & Norazman Alias²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.

* Corresponding Author: Mohamad Redha bin Mohamad. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Malaysia. E-Mail: mohamadredha@kuis.edu.my, Telp.: 019-3993708.

Keywords:

al-Taḥammul wa al-Adā',
Qurrā', *Talaqqī*,
Mushāfahah, *Sanad*

ABSTRACT

Quran is the main source of reference for Muslims in their daily lives. It is a holy book that is always be read, practiced and inherited from time to time. Muslims read the Quran form teacher's guidance to get and obtain an authentic way of reading. It is common knowledge that the Quran is inherited to every generation by the recitations learning method from the teacher, namely talaqqī (meet) by mushāfahah (read mouth to mouth). Unfortunately, the society is still unclear and does not know the concept of al-Taḥammul wa al-Adā' (receive and practice) in the inheritance of Quran recitation. Al-Taḥammul is a process of receiving and learning knowledge, while al-Adā' is a process of practicing the knowledge. Thus, this article will discuss the application of al-Taḥammul wa al-Adā' among qurrā' (narrators of recitations of Quran) and its importance. Data of the study were collected through library document analysis, while the data analysis method was descriptive. The findings show that there are several importance of the al-Taḥammul wa al-Adā' application which is to ensure the connection of sanad, avoid tadrīs or deviation of sanad and for record and reference purposes. The implications of this study are important to guide the community to know the knowledge of al-Taḥammul wa al-Adā' in the inheritance of Quran recitation.

Kata Kunci:

al-Taḥammul wa al-Adā',
Qurrā', *Talaqqī*,
Mushāfahah, *Sanad*

ABSTRAK

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia merupakan kitab suci yang sentiasa dibaca, diamalkan dan diwarisi zaman-berzaman. Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperolehi dan mendapatkan cara bacaan yang sah. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan dari guru, iaitu *talaqqī* (bertemu) secara *mushāfahah* (bacaan mulut ke mulut). Namun masyarakat masih kurang jelas dan tidak mengetahui konsep *al-Taḥammul wa al-Adā'* (penerimaan dan pengamalan) dalam periwayatan bacaan al-Quran. *Al-Taḥammul* merupakan proses penerimaan dan pengambilan sesuatu ilmu, manakala *al-Adā'* pula merupakan proses pengamalan sesuatu ilmu. Justeru, artikel ini akan membahaskan aplikasi *al-*

Tahammul wa al-Adā' dalam kalangan *qurrā'* (perawi bacaan al-Quran) dan kepentingannya. Data-data kajian dikumpul secara analisis dokumen kepustakaan, manakala metode analisis data pula dilakukan secara deskriptif. Dapatan menunjukkan terdapat beberapa kepentingan aplikasi *al-Tahammul wa al-Adā'*, iaitu memastikan persambungan sanad, mengelakkan *tadlīs* atau penyelewengan sanad serta bagi tujuan rekod dan rujukan. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk mendidik masyarakat mengetahui dan memahami ilmu *al-Tahammul wa al-Adā'* dalam periwayatan bacaan al-Quran.

Received: November 14, 2020

Accepted: December 18, 2020

Online Published: December 21, 2020

1. Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia mengandungi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia (Fadzil, 2018). Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperolehi dan mendapatkan cara bacaan yang sah. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan dari guru iaitu *talaqqī* secara *mushāfahāh* (A'Tarahim, Hisham & Shaifulbahri, 2009). Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran dari Malaikat Jibril AS, para sahabat mengambil dari baginda SAW, para tabiin mengambil dari sahabat dan begitulah seterusnya sehingga sampai bacaan al-Quran kepada generasi sekarang (Saad, 2013).

Di sebalik penerimaan dan pengamalan bacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat, terdapat satu ilmu penting yang disebut *al-Tahammul wa al-Adā'*. Namun masyarakat masih kurang jelas dan tidak mengetahui konsep *al-Tahammul wa al-Adā'* dalam periwayatan bacaan al-Quran yang sah sekali gus berlakunya banyak kesilapan dalam penulisan sanad (Mustafā, 2008). *Al-Tahammul* merupakan proses penerimaan dan pengambilan sesuatu ilmu, manakala *al-Adā'* pula merupakan proses pengamalan sesuatu ilmu (Saad, 2013). Justeru, artikel ini akan membahaskan aplikasi *al-Tahammul wa al-Adā'* dalam kalangan *qurrā'* dan kepentingannya.

2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data dikumpul melalui metode kepustakaan. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan sebelum dianalisis. Pengkaji akan mengumpul maklumat kajian untuk dianalisis dari tesis, jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa perpustakaan berhampiran, seperti Perpustakaan As-Syafie di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia dan lain-lain.

3. Definisi *al-Tahammul wa al-Adā'*

Al-Tahammul menurut bahasa bermaksud menanggung atau pun memikul (Zainuddin et al., 2010). Dari sudut isitilah ilmu bacaan al-Quran, *al-Tahammul* bermaksud kaedah pengambilan atau penerimaan bacaan daripada guru (Saad, 2013). *Al-Adā'* pula menurut bahasa bermaksud pelaksanaan, penunaian atau pun penyampaian (Zainuddin et al., 2010). Ada pun dari sudut isitilah ilmu bacaan al-Quran, *al-Adā'* bermaksud pelaksanaan dan pengamalan bacaan al-Quran selepas menerimanya dari guru (Saad, 2013).

Jadi secara ringkasnya, *al-Tahammul wa al-Adā'* dari sudut ilmu bacaan al-Quran adalah kaedah pengambilan bacaan al-Quran dari guru dan seterusnya mengamalkan bacaan tersebut. Mengetahui *al-Tahammul wa al-Adā'* adalah amat penting bagi memastikan sanad terus bersambung dan mengelakkan kekeliruan. Selain itu, ilmu ini penting bagi memastikan kesahihan bacaan al-Quran setiap individu.

4. Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam Kalangan *Qurrā'*

Menurut al-Salūm (2009), terdapat empat jenis kaedah *al-Taḥammul* yang diamalkan oleh para *qurrā'*, iaitu *al-Talqīn*, *al-'Araḍ*, *al-Sama'* dan *riwāyat al-hurūf*. Manakala menurut Saad (2013), beliau membahagikan *al-Taḥammul* kepada lima kaedah, iaitu *al-'Araḍ*, *al-Sama'*, *riwāyat al-hurūf*, *al-Ijāzah* dan *al-Wijādah*. Maksud kaedah-kaedah ini akan diterangkan selepas ini bagi memberikan kefahaman yang sahih kepada para pembaca. Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā'* sangat penting untuk diketahui dan dipelajari dalam ilmu periwiyatan bacaan al-Quran. Setiap pelajar yang mengambil bacaan al-Quran secara bersanad perlu menulis kaedah *al-Taḥammul* yang digunakan di dalam sijil sanad masing-masing bagi mengelakkan kekeliruan (Muṣṭafā, 2008).

4.1 *Al-Talqīn*

Al-Talqīn bermaksud guru membaca ayat al-Quran sambil didengari oleh murid dengan teliti dan murid membaca kembali bacaan guru. Kaedah ini merupakan proses pembelajaran al-Quran yang paling tinggi kerana ia menggabungkan dua kaedah menjadi satu, iaitu kaedah *al-'Araḍ* dan kaedah *al-Sama'*. Kaedah *al-Talqīn* sangat jarang digunakan pada masa kini kerana ia memerlukan tempoh masa yang panjang. Antara mereka yang menggunakan kaedah ini adalah Qālūn daripada Imam Nāfi' (Alias & Mohamad, 2015).

Antara kaedah *al-Talqīn* adalah guru membacakan satu surah yang pendek atau potongan surah secara satu ayat satu ayat di hadapan muridnya dengan suara yang jelas, kemudian diminta muridnya mengulang kembali apa yang didengarnya, dan diperbetulkan bacaan murid tersebut sekiranya ada kesalahan (Saad, 2008). Imam Ibn al-Jazarī juga pernah menggunakan kaedah ini semasa berada di Kaherah, Mesir kerana tidak berkesempatan untuk mengajarkan bacaannya kepada setiap murid, lalu *ditalqīn*kan bacaan al-Quran kepada muridnya dan mereka membacakan kembali bacaan tersebut (Dzulkifli & Ghani, 2011).

4.2 *Al-'Araḍ*

Al-'Araḍ bermaksud murid membaca kepada guru dan diperbetulkan setiap kesalahan bacaan (Saad, 2013). Kaedah ini antara yang masyhur diamalkan sejak zaman dahulu hingga kini. Dalil untuk kaedah ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA katanya:

كَانَ يَعْزُضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً، فَعَرَضَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قَبِضَ فِيهِ.

[al-Bukhārī, *Kitāb Faḍā'il al-Quran*, nombor hadis 4998]

Maksudnya:

“Telah dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sekali pada setiap tahun, dan dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sebanyak dua kali pada tahun kewafatan baginda.”

Hadis di atas menerangkan kaedah bagaimana Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS. Al-'Asqalānī (2013) menjelaskan perkataan *يعرض* dalam hadis tersebut bermaksud Jibril AS akan bertemu dengan baginda SAW untuk membacakan al-Quran, dan baginda SAW akan mendengarnya. Kemudian baginda SAW pula akan membaca al-Quran dan Jibril AS mendengarnya. Hadis ini adalah asas dan dalil bahawa al-Quran perlu dipelajari secara berguru bagi memastikan kesahihan pembacaannya. Guru yang berkeahlian dan berkemahiran adalah sebagai penjamin kesahihan setiap bacaan muridnya. Kaedah yang sama juga turut diterapkan oleh para sahabat dan tabi'in (Saad, 2013).

4.3 *Al-Sama'*

Al-Sama' bermaksud guru membacakan al-Quran kepada pelajarnya (Saad, 2013). Pelajar hanya mendengar bacaan guru dengan baik tanpa perlu mengulangi bacaan tersebut kepada guru. Kaedah ini kurang sesuai diamalkan pada zaman sekarang kerana penguasaan ilmu tajwid dan *qirā'āt* (bacaan-bacaan al-Quran) yang kurang mantap berbanding zaman Nabi SAW, sahabat dan juga tabi'in (al-Rahīm, 2011). Antara mereka yang menggunakan kaedah ini adalah Imam al-Kisā'ī kerana bilangan muridnya yang terlalu ramai sehingga sukar untuk menyemak bacaan kesemua mereka satu persatu (Alias & Mohamad, 2015). Dalil untuk kaedah ini adalah

berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbās RA katanya:

قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّجُ مِنَ التَّنَزِيلِ شِدَّةً وَكَانَ مِمَّا يُحْرَكُ شَفْتَيْهِ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ فَأَنَا أُحْرَكُهُمَا لَكُمْ
كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْرَكُهُمَا وَقَالَ سَعِيدٌ أَنَا أُحْرَكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يُحْرَكُهُمَا فَحَرَكَ شَفْتَيْهِ
فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى {لَا تُحْرَكُ بِهِ لِسَانُكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ} قَالَ جَمَعُهُ لَكَ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأَهُ {فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ
قُرْآنَهُ} قَالَ فَاسْتَمِعَ لَهُ وَأَنْصَتَ {ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ} ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا
أَتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعَ فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ.

[al-Bukhārī, *Kitāb Bad‘u al-Wahy*, nombor hadis 5]

Maksudnya:

“Adapun Rasulullah SAW mengalami kesukaran dari turunnya wahyu kepada Baginda SAW. Dan yang demikian itu adalah diantara sebab Baginda SAW menggerak-gerakkan kedua belah bibirnya. Kata Ibn ‘Abbās lagi: Maka saya pun menggerak-gerakkan kedua belah bibir untuk kamu sebagaimana Rasulullah SAW menggerak-gerakannya. Dan berkata pula Sa‘id aku pun menggerak-gerakkan kedua belah bibir seperti yang aku lihat Ibnu ‘Abbās menggerak-gerakkan kedua bibirnya, lalu dia pun menggerak-gerakkan kedua-dua belah bibirnya. Sebab itu diturunkan Allah SWT firmanNya yang bermaksud: (Janganlah kamu menggerakkan dengannya (yaitu al-Quran) lidah kamu kerana hendak bergegas (gopoh) membacanya. Sesungguhnya Kami (Allah) akan menghimpunkannya di dalam dada engkau (Muhammad) dan engkau akan membacanya), maka apabila Kami bacakan dia hendaklah engkau turut bacaannya. Katanya maka semak dan dengarlah kepadanya. Kemudian sesungguhnya Kamilah yang akan menerangkannya, kemudian sesungguhnya Kamilah yang akan menjamin engkau membacanya. Maka setelah itu Rasulullah SAW jika didatangi oleh Jibril AS, Baginda SAW pun mendengar sehingga apabila Jibril AS selesai barulah Nabi SAW membacanya sebagaimana yang dibacakan oleh Jibril AS.”

Hadis yang panjang ini menerangkan mengenai kepentingan mendengar dengan baik bacaan al-Quran yang disampaikan oleh guru kepada murid. Perkataan فَاسْتَمِعَ yang bermaksud “dengarlah” dan اسْتَمِعَ yang bermaksud “mendengar” menunjukkan arahan bahawa seorang pelajar perlu mendengar dengan sebaik mungkin bacaan daripada gurunya. Rasulullah SAW akan mendengar bacaan al-Quran dari Jibril AS secara fokus untuk mendapatkan cara sebutan setiap huruf berserta dengan tajwidnya, kemudian baginda SAW akan membacakan semula ayat tersebut untuk didengari oleh Jibril AS (Saad, 2013). Oleh itu, kaedah *al-Sama* merupakan kaedah ketiga yang diiktiraf oleh para *qurrā* untuk memperolehi satu-satu bacaan al-Quran. Kaedah ini juga turut digunakan oleh para sahabat dan tabiin.

4.4 Riwāyat al-Ḥurūf

Riwāyat al-Ḥurūf bermaksud membaca perkataan-perkataan yang terdapat *khilāf* dalam kalangan *qurrā* tanpa perlu membaca al-Quran keseluruhannya (Saad, 2013). Kaedah ini amat jarang dilakukan kerana ia melibatkan bacaan pelbagai *qirā’āt* mengikut kitab. Dalil atau asal bagi kaedah ini adalah diambil daripada perbuatan imam-imam *qurrā* yang hanya bertalaqqī perkataan-perkataan *khilāf* sahaja. Mujāhid (1972) telah memberikan beberapa contoh di dalam kitabnya, antaranya adalah kisah bagaimana Imam Ḥamzah mengambil bacaan daripada al-A‘mash:

ما أحرجه ابن مجاهد والداي عن محمد بن يحيى الأزدي البصري قال: قلت لابن داود: قرأ حمزة على الأعمش. فقال: من أين قرأ على الأعمش، إنما سأله عن حروف.

Maksudnya:

“Telah ditakhrījkan oleh Ibn Mujāhid dan al-Dānī, daripada Muḥammad bin Yahyā al-Azdī al-Baṣrī telah berkata: Aku berkata kepada Ibn Dāwūd: Ḥamzah telah membaca (al-Quran) kepada al-A‘mash. Maka berkata

(Ibn Dāwud): *Bagaimanakah dia membaca kepada al-A‘mash, sesungguhnya dia bertanya huruf-huruf yang khilāf sahaja.*”

Saad (2013) menyatakan ulama *qirā‘āt* berselisih pendapat dalam mengambil kaedah ini sebagai salah satu kaedah *al-Adā‘*. Sebahagian dari mereka seperti Abū Amrū al-Dānī menerima *riwāyat al-hurūf* sebagai kaedah *al-Adā‘* kerana menyamakannya dengan *al-‘Araḍ* (Saad, 2013). Ini bermakna sesiapa yang bertalaqqī al-Quran menggunakan kaedah *riwāyat al-hurūf* seolah-olah telah membaca al-Quran keseluruhannya. Manakala kumpulan kedua pula tidak menyamakan kaedah *riwāyat al-hurūf* seperti *al-‘Araḍ* ataupun bacaan al-Quran. Ini bermaksud sekiranya al-Quran itu hanya dinukilkan dengan kaedah *riwāyat al-hurūf* sahaja, maka bacaan al-Quran itu tidak boleh diamalkan. Antara mereka yang memegang pendapat ini adalah Ibn Mihrān dan Abū al-Faḍl al-Khuzā‘ī (Saad, 2013).

4.5 *Al-Ijāza*

Perkataan *al-Ijāzah* dari sudut bahasa diambil dari kata dasar *أجاز* yang bermaksud memberi izin kepada seseorang (al-Tahānawī, 1996). Zaidar (2014) turut sama menyatakan *al-Ijāzah* dari sudut bahasa adalah bermaksud keizinan atau kebenaran melakukan sesuatu. Dari sudut ilmu bacaan al-Quran, *al-Ijāzah* bermaksud keizinan yang diberikan oleh guru untuk menukulkan perkataan-perkataan *khilāf qirā‘āt* tanpa aplikasi *al-‘Araḍ*, *al-Sama‘* ataupun *riwāyat al-hurūf* (Saad, 2013). Asal kaedah ini adalah dari perbuatan sebahagian imam-imam *qurrā‘* yang mengambil bacaan al-Quran secara *al-Ijāzah* tanpa aplikasi *al-‘Araḍ*, *al-Sama‘* atau pun *riwāyat al-hurūf* (Saad, 2013). Dikatakan pengamalan kaedah ini adalah bermula sejak kurun ke-3 Hijrah. Para *qurrā‘* bersepakat kaedah ini boleh digunakan sebagai kaedah *al-Taḥammul* bacaan al-Quran. Hanya sahaja mereka berpendapat kaedah ini tidak boleh diterima dari sudut *al-Adā‘* (Saad, 2013). Ini adalah kerana seseorang yang ingin mengamalkan bacaan al-Quran perlu mempelajarinya dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah*. Ada pun kaedah *al-Ijāza* ini tidak diterapkan *mushāfaha* bersama guru, maka bacaan al-Quran yang diambil dengan kaedah ini tidak boleh diamalkan.

4.6 *Al-Wijādah*

Al-Wijādah menurut istilah para *qurrā‘* bermaksud menukulkan perkataan-perkataan *khilāf qirā‘āt* daripada kitab tanpa mengambil bacaan tersebut daripada guru (Saad, 2013). Asal kaedah ini adalah dari perbuatan sebahagian imam-imam *qurrā‘* yang mengambil bacaan al-Quran secara *al-Wijādah* daripada kitab tanpa mengambil bacaan tersebut daripada guru. Dikatakan pengamalan kaedah ini adalah bermula sejak akhir kurun ke-3 Hijrah atau pun awal kurun ke-4 Hijrah. Dan ada pun pengamalan kaedah ini adalah sangat sedikit dalam kalangan *qurrā‘* bahkan ianya dihukum sebagai *nādir* (ganjil). Sebagai contoh, al-Jazarī (2006) menyatakan di dalam kitabnya *Ghāyat al-Nihāya fī Ṭabaqāt al-Qurrā‘*, bahawa Muhammad bin al-‘Abbās bin Muḥammad bin Yaḥyā bin al-Mubārak al-Yazīdī telah meriwayatkan perkataan al-Quran secara *al-Wijādah* daripada kitab bapanya. Kaedah *al-Wijādah* ini sangat jarang diguna pakai oleh para *qurrā‘*. Oleh itu, pendapat yang diterima pakai adalah kaedah ini tidak sah untuk diamalkan kerana tidak diterapkan *mushāfahah* bersama guru.

4.7 Kesimpulan Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā‘* dalam Kalangan *Qurrā‘*

Secara keseluruhannya, terdapat enam kaedah *al-Taḥammul wa al-Adā‘* dari sudut ilmu bacaan al-Quran yang diaplikasi oleh para *qurrā‘*. Hanya dua kaedah sahaja yang diterima dari sudut *al-Taḥammul wa al-Adā‘*, iaitu *al-Talqīn* dan *al-‘Araḍ*. Selain itu, terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan *qurrā‘* terhadap kaedah *riwāyat al-hurūf* dari sudut *al-Adā‘*. Manakala tiga kaedah yang lain, iaitu *al-Sama‘*, *al-Ijāzah* dan *al-Wijādah* tidak diterima sebagai kaedah *al-Adā‘* oleh para *qurrā‘* kerana tidak menerapkan konsep *talaqqī* secara *mushāfahah* (Redha, Zaidar & Alias, 2020).

5. Kepentingan Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā‘* dalam Kalangan *Qurrā‘*

Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā‘* dalam kalangan *qurrā‘* yang diterangkan sebelum ini jelas menunjukkan keprihatinan mereka dalam menjaga ilmu periwayatan bacaan al-Quran. Oleh itu, pengkaji menggariskan dapatan kajian iaitu beberapa kepentingan aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā‘* seperti berikut:

5.1 Memastikan Persambungan Sanad

Penulisan sanad al-Quran mempunyai kriteria yang tersendiri. Seorang *rijāl* (perawi bacaan) al-Quran sewajarnya mengetahui dan memahami tekstual dan kandungan ijazah yang dimiliki agar warisan ini dapat disampaikan kepada generasi seterusnya dengan jujur dan amanah. Sebagai contoh, kajian Alias & Mohamad (2018) telah menyenaraikan sebanyak 14 kriteria penulisan ijazah sanad al-Quran. Antara kriteria utama yang perlu ada dalam penulisan tersebut adalah tajuk, nama penerima ijazah, nama pemberi ijazah, cop, tandatangan, tarikh dan lain-lain.

Menurut al-Rahīm (2011) tiga kriteria penting dalam penulisan sanad adalah pendahuluan, isi dan penutup. Kebiasaannya di pendahuluan akan terdapat penerangan guru mengenai bacaan yang diambil oleh muridnya, manakala di penutup akan terdapat tandatangan atau pun cop guru dan juga tarikh. Seterusnya isi di antara pendahuluan dengan penutup adalah jalur sanad di antara penerima sanad tersebut hingga sampai kepada Rasulullah SAW. Ketiga-tiga kriteria ini perlu dipastikan tiada kesilapan bagi memastikan kesahihan penyebaran sanad al-Quran di atas muka bumi ini. Setiap penggunaan *ṣīghah* (istilah) yang tertulis di atas sijil sanad *talaqqī* al-Quran perlu ditulis dengan tepat (Muṣṭafā, 2008).

Antara isi penting yang perlu ditulis atas sijil sanad adalah kaedah *al-Taḥammul wa al-Adā'* di antara guru dan muridnya. Ia perlu ditulis dengan jelas, terang dan tepat bagi memastikan persambungan sanad. Persambungan sanad adalah istilah yang menghubungkan antara satu perawi dengan perawi yang lain, atau boleh disebut sebagai hubungan guru dengan murid (Anshori, 2016). Sebagai contoh, ditulis di atas sijil sanad sama ada pelajar tersebut menggunakan kaedah *al-Talqīn* atau *al-'Araḍ* atau *al-Sama'* atau yang lainnya. Hal ini kerana hanya dua kaedah sahaja yang diterima dari sudut *al-Taḥammul wa al-Adā'* iaitu *al-Talqīn* dan *al-'Araḍ* (al-Rahīm, 2013). Ada pun bagi kaedah *riwayat al-hurūf* terdapat *khilāf qurrā'* dari sudut *al-Adā'*. Manakala tiga kaedah yang lain iaitu *al-Sama'*, *al-Ijāzah* dan *al-Wijādah* tidak diterima sebagai kaedah *al-Adā'* oleh para *qurrā'* kerana tidak menerapkan konsep *talaqqī* secara *mushāfahah* (Redha, Zaidar & Alias, 2020). Oleh itu, hanya *al-Talqīn* dan *al-'Araḍ* sahaja yang diiktiraf oleh para *qurrā'* dari sudut ketersambungan sanad dalam periwayatan bacaan al-Quran.

Ketersambungan sanad adalah amat penting dalam periwayatan bacaan al-Quran. Ia merupakan salah satu daripada tiga syarat sah bacaan al-Quran iaitu sah sanad, menepati kaedah Bahasa Arab walaupun daripada satu sudut dan menepati salah satu mashaf Uthmani (al-Nuwairī, 2003). Manakala bagi bacaan al-Quran yang rosak sanadnya akan dikategorikan sebagai *qirā'āt shādh*. Bahkan, penulisan sanad juga turut diterapkan terhadap pandangan-pandangan *tafsīr bi al-Ra'y* sama ada disandarkan kepada para sahabat atau tabiin bagi memastikan masyarakat Islam memperolehi ilmu yang sahih (Zainal Abidin & Ibrahim, 2018).

5.2 Mengelakkan *Tadlīs* atau *Penyelewengan Sanad*

Al-Nuwairī (2003) menyatakan mengetahui dengan tahap yang baik berkenaan keadaan *rijāl-rijāl* dan sanad-sanad al-Quran adalah satu keperluan. Menjaga dan memelihara sanad al-Quran adalah perkara yang penting dalam Islam. Ini berikutan berlaku beberapa isu dan permasalahan seperti pengguguran nama *rijāl* al-Quran dari jalur sanad, menamakan *rijāl* al-Quran bukan dengan namanya dan kesalahan ejaan nama *rijāl* al-Quran (al-Nuwairī, 2003). Perbuatan menggugurkan nama *rijāl* al-Quran dari jalur sanad disebut sebagai *tadlīs al-isnād*, manakala perbuatan menamakan *rijāl* al-Quran bukan dengan namanya disebut sebagai *tadlīs al-shuyūkh*. Isu-isu seperti ini perlu ditangani dan diselesaikan agar pemeliharaan jalur sanad al-Quran akan sentiasa terlaksana.

Mengenali jalur-jalur sanad bacaan al-Quran merupakan suatu usaha yang sukar kerana pengajian al-Quran bersanad belum berkembang secara mantap di Malaysia. Oleh itu satu kajian perlu dilakukan untuk mengemukakan jalur-jalur sanad bacaan al-Quran demi kepentingan pengajian al-Quran (Adam, 2014). Antara perkara yang perlu disemak dan diberi perhatian adalah kaedah *al-Taḥammul wa al-Adā'* yang diguna pakai oleh setiap guru dan muridnya. Setiap guru perlu menulis secara jelas kaedah *al-Taḥammul* yang digunakan di atas sijil sanad sebelum diserahkan kepada muridnya. Menurut Said (2008), penulisan sanad *talaqqī* al-Quran daripada seorang guru kepada muridnya berserta tandatangan dan tarikh amat penting bagi menjaga sanad daripada perbuatan *tadlīs*, sangkaan buruk dan syak wasangka pihak lain.

Antara sebab seseorang melakukan *tadlīs* adalah untuk menzahirkan ketinggian sanad (al-Rahīm, 2011). Penjagaan *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam kalangan *qurrā'* dengan baik mampu mengelakkan berlakunya *tadlīs* ataupun penyelewengan sanad al-Quran. Sebagai contoh tertulis di atas sijil sanad, Redha telah membaca al-Quran secara *al-'Araḍ* ke atas gurunya Amir. Maka penulisan ini adalah bukti jelas bahawa Redha telah bertemu dan membaca al-Quran kepada Amir sekali gus memastikan tidak berlaku *tadlīs* ataupun penyelewengan sanad. Setiap pelajar yang mengambil bacaan al-Quran secara bersanad perlu menulis kaedah

al-Taḥammul yang digunakan di dalam sijil sanad masing-masing bagi mengelakkan kekeliruan (Muṣṭafā, 2008).

5.3 Tujuan Rekod dan Rujukan


Bagi memudahkan proses rujukan dan semakan, kesemua pemilik-pemilik sanad *talaqqī* al-Quran perlu direkodkan kerana ia merupakan salah satu usaha penting ulama Islam yang dinamakan pendokumentasian sanad keilmuan (Soroni, Zaidar & Wazir, 2016). Kaedah perekodan boleh sahaja dilakukan secara simpanan data dalam sistem atau pun secara manual oleh pihak berautoriti dan juga yang berkeahlian. Pihak yang berkeahlian seperti tokoh al-Quran perlu memainkan peranan dalam perkara ini bagi memudahkan masyarakat awam untuk mencari dan mendapatkan guru al-Quran bersanad yang diiktiraf dan mempunyai tauliah.

Pada hakikatnya, telah wujud kitab-kitab yang merekodkan nama *rijāl-rijāl* sanad al-Quran di Timur Tengah ataupun di wilayah Arab. Penulisan Saad (2013) menyenaraikan sebanyak 21 buah kitab telah dikarang oleh para *qurrā'* yang merekodkan *rijāl-rijāl* al-Quran mengikut *ṭabaqāt*. Karya-karya ini dinamakan *ṭabaqāt al-qurrā'*. Antara contoh karya yang masyhur adalah *Ghāyat al-Nihāya fī Ṭabaqāt al-Qurrā'* karangan Imam Ibnu al-Jazarī yang diterbitkan pada tahun 2006 dan *Ma'rifat al-Qurrā' al-Kibār 'alā al-Ṭabaqāt wa al-A'sār* karangan Imam al-Dhahabī yang diterbitkan pada tahun 1995. Manakala antara karya terkini adalah *al-Ḥalaqāt al-Muḍī'āt min Silsila Asānīd al-Qirā'āt* oleh al-Sayyid bin Aḥmad bin 'Abd al-Raḥīm yang diterbitkan pada tahun 2002. Ini adalah usaha yang sangat baik dan perlu diteladani oleh setiap individu yang berkeahlian dalam menjaga keaslian ilmu sanad al-Quran.

Tujuan mengumpul dan merekod sanad al-Quran ini dilakukan adalah untuk menapis dan memastikan kesahihan sanad itu sendiri (Said & Adam, 2011). Susulan daripada itu, seharusnya sanad-sanad al-Quran direkodkan dan mempunyai simpanan data bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan sanad. Menurut al-Mahdī (2010), buku-buku berasaskan *rijāl* sanad seperti ini memberi banyak manfaat seperti dapat memastikan pertemuan antara guru dengan pelajar, memastikan tahun kewafatan *rijāl*, mengetahui guru dan pelajar *rijāl* dan mengetahui rekod permusafiran *rijāl*, dan kesemua manfaat ini sekali gus dapat membuktikan berlakunya ketersambungan sanad.

Oleh itu, sewajarnya nama *rijāl-rijāl* sanad al-Quran direkodkan bersama dengan kaedah *al-Taḥammul wa al-Adā'* yang diguna pakai oleh mereka. Setiap butiran yang direkodkan ini akan menjadi rujukan dan memberi manfaat bagi setiap individu yang memerlukan maklumat tersebut sama ada pada masa ini ataupun di masa hadapan kelak. Ini membuktikan bahawa mengetahui kaedah *al-Taḥammul wa al-Adā'* yang diaplikasi oleh para *qurrā'* adalah amat penting bagi tujuan rekod dan rujukan.

5.3 Kesimpulan Kepentingan Aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam Kalangan *Qurrā'*



Rajah 1. Kepentingan *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam Kalangan *Qurrā'*

Berdasarkan Rajah 1 di atas, pengkaji telah menyimpulkan kepentingan *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam kalangan *qurrā'* kepada tiga perkara iaitu memastikan persambungan sanad, mengelakkan *tadlīs* atau penyelewengan sanad serta bagi tujuan rekod dan rujukan.

6. Penutup

Sebagai rumusan, terdapat enam kaedah *al-Taḥammul wa al-Adā'* dari sudut ilmu bacaan al-Quran yang diaplikasi oleh para *qurrā'*. Hanya dua kaedah sahaja yang diterima dari sudut *al-Taḥammul wa al-Adā'* iaitu *al-Talqīn* dan *al-'Arād*. Selain itu, terdapat *khilāf qurrā'* terhadap kaedah *riwāyat al-hurūf* dari sudut *al-Adā'*. Manakala tiga kaedah yang lain iaitu *al-Sama'*, *al-Ijāzah* dan *al-Wijādah* tidak diterima sebagai kaedah *al-Adā'* oleh para *qurrā'* kerana tidak menerapkan konsep *talaqqī* secara *mushāfahah*. Al-Quran perlu dilafazkan secara tepat dan sahih dan ia hanya boleh diperolehi melalui kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah*, iaitu pertemuan murid dengan guru sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW bersama dengan Jibril AS. Pelajar perlu berlatih kaedah melafazkan ayat-ayat al-Quran dengan baik dan ini hanya boleh diperolehi secara *al-'Arād*.

Tambahan itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kepentingan aplikasi *al-Taḥammul wa al-Adā'* iaitu memastikan persambungan sanad, mengelakkan *tadlīs* atau penyelewengan sanad serta bagi tujuan rekod dan rujukan. Setiap *rijāl* yang mengamalkan *talaqqī* al-Quran bersanad perlu mengetahui, memahami dan mengambil berat terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan *al-Taḥammul wa al-Adā'*. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk mendidik masyarakat mengetahui dan memahami ilmu *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam periwatan bacaan al-Quran.

Rujukan

- al-'Asqalānī, I. H. (2013). *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Dar al-Risāla al-'Alamiyya.
- A'Tarahim, M., Hisham, A., & Shaifulbahri, M. (2009). Perkembangan awal ilmu Qira'at. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 2. <https://journal.uniswa.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/47/44>.
- Adam, J. (2014). *Analisis pengajian al-Quran bersanad riwayat Hafis di Maahad-Maahad Tahfiz di Negeri Pahang*. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Alias, N., & Mohamad, K. A. (2018). Penelitian terhadap tekstual ijazah sanad al-Quran. *E-Prosiding: International Conference on Islamiyyat Studies*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Diakses dari: <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2018/1002-irsyad-2018.pdf>.
- Alias, N. & Mohamad, K. A. (2015). Fenomena talaqqi al-Quran bersanad riwayat Hafis 'An 'Asim menurut tariq al-Syatibiyyah: sumbangannya dalam perkembangan pengajian al-Quran di Malaysia. *E-Prosiding: Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*. Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Diakses dari: <https://smk.ukm.my/erep/fail3.cfm?komp=TPP2015640>.
- Anshori, M. (2011). Kajian ketersambungan sanad (ittisal al-sanad). *Jurnal Living Hadis*. 1(2). <http://ejournal.uin-suka.ac.id/ushuluddin/Living/article/view/1123/1025>.
- al-Dhahabī. (1995). *Ma 'rifat al-Qurrā' al-Kibār 'alā al-Ṭabaqāt wa al-A'ṣār*. Istanbul: Turkiye Diyanet Vakfī.
- Dzulkifli, I., & Ghani, A. R. (2011). Keperluan bertalaqqi dan bermusyafahah dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Qur'an: satu tuntutan. *E-Prosiding: Seminar Qirā'āt Peringkat Kebangsaan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Diakses dari: <https://docplayer.info/35103539-Keperluan-bertalaqqidan-bermusyafahah-dalam-pengajaran-dan-pembelajaran-ilmu-al-qur-an-satu-tuntutan-oleh-izuli-dzulkifli-abdul-rahman-abdul-ghani.html>.
- Fadzil, A. (2018). *The amazing al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- al-Jazarī, I. (2006). *Ghāyat al-Nihāya fi Ṭabaqāt al-Qurrā'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mahdī. (2010). *Ṭuruq al-Hukm 'alā al-Ḥadīth bi al-Ṣiḥḥah au al-Ḍa'if*. Mesir: Maktabat al-Īman.
- Mujāhid, I. (1972). *Al-Sab'ah fi al-Qirā'āt*. Mesir: Dar al-Ma'ārif.
- Muṣṭafā, H. (2008). *Tuḥfat al-Ikhwān bimā 'alā min Asānīd Qurrā' hadhā al-Zamān*. Mesir: Muassasah Qurṭubah.
- al-Nuwairī. (2003). *Sharah Ṭayyiba al-Nashr fi Qirā'āt al-'Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Raḥīm, A. (2011). *Fitnat al-Asānīd wa al-Ijāzāt al-Qur'āniyyah*. Mesir: Dar al-Ṣahābah li al-Turāth.
- al-Raḥīm, A. (2013). *Āfatu 'Ulūwwi al-Asānīd*. Diakses dari: https://archive.org/details/mohammad_20170123_1551 (diakses pada 12 Disember 2020).
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Konsep *al-Taḥammul wa al-Adā'* dalam periwatan bacaan al-Quran. *Dlm. Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Islam*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 84-91.
- Saad, A. (2013). *Asānīd al-Qirā'āt wa Manhaj al-Qurrā' fi Dirāsatiḥā*. Riyadh: Maktaba al-Mālik Fahd al-Waṭaniyyah.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 5, No. 2, (December, 2020)

- Said, I. (2008). *Iqrā' al-Qur'an al-Karīm: Manhajuhu wa Shurūṭuhu wa Asālibuhu wa Ādābuhu*. Jeddah: Markaz al-Dirāsāt wa al-Maklūmat al-Qur'ānīyyah.
- Said, K. & Adam, J. (2011). Corak tariq sanad pengajian al-Quran di Negeri Pahang. *International Journal on Quranic Research*. 1(1). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>.
- al-Salūm. (2009). *Ṭuruq Talaqqī al-Qur'ān 'inda al-Qurrā'*. Arab Saudi: Majalla al-Jundiyy al-Muslim.
- Soroni, K., Zaidar, F. & Wazir, R. (2016). Keprihatinan ulama nusantara dalam mendokumentasi sanad ilmu-ilmu pengajian Islam. Dlm. *Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara*. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 425-455.
- al-Tahānawi. (1996). *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*. Beirut: Maktaba Lubnan.
- Zaidar, F. (2014). *Faktor-faktor dorongan aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) dan keperluannya dalam pengajian hadis di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zainal Abidin, S., & Ibrahim, M. (2018). Analisis perbandingan metode hermeneutik dan tafsīr bi al-ra'yī dalam penafsiran al-Qur'an. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 43-59. Diakses dari <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/5>.
- Zainuddin, K. et al. (2010). *Kamus pelajar*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.